

Seminar Deloitte sedia peluang pelaburan bagi pelabur dari China

KUALA LUMPUR: Seminar Chinese Services Tax 2016 Deloitte Malaysia yang diadakan baru-baru ini membantu para pelabur dari China memahami bagaimana hubungan perniagaan mereka akan dapat memanfaatkan pertumbuhan ekonomi Malaysia dan masyarakat secara keseluruhannya.

Ketua Cukai Negara Deloitte Malaysia, Yee Wing Peng, dalam satu kenyataan berkata pelaburan asing bukan sahaja mempercepatkan pelan pertumbuhan Malaysia tetapi juga memberi sumbangan besar kepada pembangunan tenaga kerja negara.

“Kami mahu menasihatkan pelabur China tentang model dan struktur perniagaan terbaik yang boleh diguna pakai

apabila mereka menimbang untuk membuka hab serantau,” kata Yee.

Beliau berkata berbeza dengan syarikat multinasional dari Barat, model perniagaan bagi syarikat multinasional Asia dikawal oleh pejabat induk, yang menyebabkan proses membuat keputusan perniagaan agak perlahan.

“Dengan membandingkan model, kami mahu menyarankan syarikat-syarikat ini menimbang menukar model perniagaan mereka apabila membuka hab serantau mereka di Malaysia.

“Malaysia adalah lokasi kompetitif bagi pelabur dan serba lengkap bagi pelabur dari China untuk membuka hab serantau,” kata Yee.

Pengarah InvestKL Corp

Malaysia, Mah Chun Wai, berkata pelbagai perjanjian perdagangan yang dimeterai antara Malaysia dan China di peringkat kerajaan dan perniagaan telah mewujudkan peluang besar bagi kedua-dua pihak untuk memanfaatkannya.

Mah berkata pelabur China juga menyumbang kepada pembangunan tenaga kerja di Malaysia menerusi pindahan pengetahuan teknikal seperti pengetahuan teknikal kemahiran tinggi bagi kejuruteraan kereta api laju, katanya.

“Syarikat-syarikat membawa tenaga kerja kemahiran teknikal tinggi dari negara asal yang kemudiannya melatih dan menyalurkan pengetahuan mereka kepada tenaga kerja Malaysia,” kata Mah.

Seminar itu yang diadakan secara kerjasama dengan InvestKL Corp Bhd dan Labuan IBFC, dihadiri hampir 200 profesional kewangan dan cukai daripada syarikat milik China yang berpangkalan di Malaysia.

Seminar itu membincangkan hubungan diplomatik diperkukuh dan perniagaan antara China dan Malaysia yang menyediakan peluang pelaburan besar bagi pelabur China.

Topik lain seminar itu termasuklah intipati Bajet 2017 yang melibatkan cukai peribadi dan perniagaan dan implikasi kepada perniagaan milik China di Malaysia dan struktur perancangan cukai bagi pelaburan keluar dan masuk. — Bernama